

Headline	SESB akan periksa jika struktur berkarat milik mereka		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	22 Oct 2013	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	5	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	198 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 408
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,224



TIANG elektrik yang condong ini berisiko tumbang dan merosakkan atap rumah di sana.



ASAS tiang elektrik ini sudah berkarat.

SESB akan periksa jika struktur berkarat milik mereka

✦ KAKITANGAN Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) akan memeriksa keadaan tiang elektrik di sepanjang jalan perumahan di Luyang.

Ini ekoran aduan bahawa beberapa struktur itu berkarat dan berisiko tumbang.

Jurucakap SESB berkata, ia perlu menentusahkan dakwaan ini.

"Kami perlu memastikan sama ada tiang ini kepunyaan firma kami sebelum bertindak lanjut," katanya.

"Jika ini benar, tindakan akan diambil untuk mengukuhkan tiang ini bagi mengelak ia tumbang," katanya.

"Orang awam harus melaporkan sebarang kerosakan berhubung tiang elektrik atau pemasangan kami secara

terus kepada kami supaya kami boleh menyelesaikan masalah ini dengan segera."

SIM dari Luyang beranggapan tiang ini kurang diselenggara.

Dia berkata, salah satu tiang yang terjejas terletak di luar pagar rumahnya.

"Asas tiang berkarat. Jika ia tumbang, sudah tentu ia akan merosakkan sebahagian dari atap rumah saya," katanya.

"Saya berharap SESB akan menangani perkara ini sebelum kejadian buruk berlaku."

Dia memberikan *Hotline* lokasi rumahnya. Maklumat ini dikemukakan kepada syarikat itu. (SS)